

**EVOLUSI KEKERASAN POLITIK DI JAMAICA
(1940-1980)**

TIONG MEE YEE



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS SOSIAL (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya yang telah saya jelaskan sumbernya.

11 Ogos 2022

tmy

Tiong Mee Yee
BA19110360



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **TIONG MEE YEE**
NO MATRIK : **BA19110360**
TAJUK : **EVOLUSI KEKERASAN POLITIK DI JAMAICA (1940-1980)**
IJAZAH : **SARJANA MUDA**
BIDANG : **SEJARAH**



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

1. PENYELIA

Dr Maureen De Silva

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sebilangan orang di atas bantuan dan sokongan mereka sepanjang penghasilan tesis ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Maureen de Silva (UMS) atas semua bantuan dan nasihat bagi penghasilan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada ibu saya yang memberikan sokongan berterusan yang membuatkan saya bermotivasi dalam menyiapkan tesis ini. Penghargaan juga diberikan kepada rakan baik saya iaitu Noraidah binti Richard atas kesudian untuk membantu dan atas segala nasihat yang diberikan. Akhir sekali, seikhlas tulus kata terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kerja kursus ini.



ABSTRAK

Keganasan politik di Jamaica telah menjadi suatu endemik kepada negara sehinggalah negara sentiasa berada dalam keadaan berbahaya. Fokus kajian adalah pada sekitar tahun 1940 hingga 1980 iaitu merupakan perkembangan kemunculan keganasan politik. Pada asalnya, kekerasan politik di negara Jamaica adalah tidak begitu ketara, namun demikian, peningkatan keganasan dan jenayah di Jamaica telah memuncak pada tahun 1960-an. Keadaan ini dapat dilihat menerusi keganasan yang diinstitusikan dalam politik negara Jamaica moden. Keganasan endemik ini telah memupuk persekitaran politik yang tidak stabil dan berkembang simbiosis daripada hubungan antara organisasi buruh Jamaica dan keganasan politik. Isu ini menyebabkan masyarakat umum hidup dalam ketakutan disebabkan oleh keganasan yang berterusan dan tidak berkesudahan. Justeru, kertas kerja ini memberi tumpuan dengan membincangkan faktor-faktor yang mendorong kepada perkembangan kekerasan politik dan kesan perkembangan evolusi kekerasan politik tersebut di Jamaica. Dalam mencapai objektif kajian, kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data dengan memperoleh sumber rujukan secara kepustakaan. Sumber-sumber tersebut antaranya ialah laporan kerajaan, buku, artikel dan sumber *Internet* yang berkaitan dengan isu kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penginstitusian keganasan politik oleh parti politik telah memainkan peranan utama dalam konflik keganasan parti politik. Oleh hal yang demikian, keadaan ini mengakibatkan corak pilihan raya umum yang tidak stabil akibat daripada konflik keganasan parti politik dominan.

Kata Kunci: Keganasan politik, parti politik dan keganasan endemik

ABSTRACT

Political violence in Jamaica has become so endemic to the country that the country is constantly in a dangerous state. The focus of the study is around the years 1940 to 1980 which is the development of the emergence of political violence. Originally, political violence in Jamaica was not very significant, however, the increase in violence and crime in Jamaica peaked in the 1960s. This situation can be seen through the institutionalized violence in modern Jamaican national politics. This endemic violence has fostered an unstable political environment and a symbiosis has developed from the relationship between Jamaican labour organizations and political violence. This issue causes the general public to live in fear due to the constant and unending violence. Therefore, this paper focuses on discussing the factors that lead to the development of political violence and the impact of the evolution of political violence in Jamaica. In achieving the research objective, the research method used is the data collection method and the data analysis method by obtaining reference sources in the literature. These sources include government reports, books, articles and internet sources related to the study issue. The results of the study found that the institutionalization of political violence by political parties has played a major role in the conflict of political party violence. As such, this situation results in an unstable general election pattern as a result of the violent conflict of the dominant political party.

Keywords: *Political violence, political parties and endemic violence*

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Sorotan Literatur Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	11
1.6	Skop Kajian	13
1.7	Metodologi Kajian	14
1.8	Struktur Kajian	16
1.9	Kesimpulan	16

BAB 2: LATAR BELAKANG PERKEMBANGAN POLITIK DI JAMAICA	17
2.1 Pengenalan	17
2.1.1 Sejarah Latar Belakang Jamaica Moden	19
2.2 Kekerasan Politik dan Fenomena Garison di Jamaica	24
2.2.1 Kekerasan Politik	25
2.2.2 Fenomena Garison	26
2.3 Latar Belakang Parti Politik Di Jamaica	29
2.3.1 <i>Jamaica Labour Party</i> (JLP)	29
2.3.2 <i>People's National Party</i> (PNP)	32
2.4 Tipologi Parti Politik di Jamaica	34
2.4.1 Sistem Dua Parti	35
2.5 Rumusan	38
BAB 3: FAKTOR PERKEMBANGAN EVOLUSI KEKERASAN POLITIK DI JAMAICA	40
3.1 Pengenalan	40
3.2 Faktor Perkembangan Keganasan Demokrasi Politik di Jamaica	41
3.2.1 Sosial	41
3.2.1.1 Pembentukan dan Perkembangan Kelas Sosial	41
3.2.2 Ekonomi	44
3.2.2.1 Rusuhan Buruh 1938: Mogok dan Keganasan dalam Ekonomi Perladangan	45
3.2.3 Politik	49
3.2.3.1 Perpecahan dalam Pertubuhan Pergerakan Buruh, 1938-42: Persahabatan dengan Pihak Berkuasa Kolonial	49
3.2.3.2 Konflik antara Parti: 1942-1944	55
3.2.3.3 Parti Buruh Jamaica (JLP) & Parti Kebangsaan Rakyat (PNP), 1945-55: Pembentukan Partisan Saingan dan Kumpulan Bersenjata	59

3.2.3.4 Parti Nasional Rakyat, 1955-62: Penginstitutionan Keganasan Politik dan Klientelisme	61
3.2.3.5 Pemberontakan Henry 1960 (Pergerakan Rastafarian)	69
3.3 Rumusan	71
BAB 4: KESAN EVOLUSI KEKERASAN POLITIK DI JAMAICA	73
4.1 Pengenalan	73
4.2.1 Politik	75
4.2.1.1 Perang Politik	75
4.2.1.2 Imej Negara Jamaica Terjejas	94
4.2.2 Ekonomi	96
4.2.2.1 Kerunduman Ekonomi Jamaica	96
4.2.3 Sosial	98
4.2.3.1 Perubahan Populasi Penduduk Jamaica	99
4.2.3.3 Penubuhan Skwad Pembasmian 1981	101
4.3 Rumusan	102
BAB 5: KESIMPULAN	104
RUJUKAN	111
LAMPIRAN	118

SENARAI RAJAH


	Halaman
Rajah 2.1 Peta Jamaica	19
Rajah 2.2 Logo Jamaica Labour Party	29
Rajah 2.3 Logo People's National Party	32



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AWC	- <i>Americas Watch Committee</i>
BITU	- <i>Bustamante Industrial Trade Union</i>
CID	- <i>Criminal Investigation Department</i>
DLP	- <i>Democratic Labour Party</i>
JBC	- <i>Jamaica Broadcasting Corporation</i>
JCF	- <i>Jamaica Constabulary Force</i>
JDF	- <i>Jamaica Defence Force</i>
JDP	- <i>Jamaica Democratic Party</i>
JLP	- <i>Jamaica Labour Party</i>
JUWU	- <i>Jamaica United Workers Union</i>
JWTU	- <i>Jamaica Workers and Tradesman Union</i>
PNM	- <i>People's National Movement</i>
PNP	- <i>People's National Party</i>
RJR	- <i>Real Jamaica Radio</i>
TUAC	- <i>Trade Union Advisory Council</i>
TUC	- <i>Trade Union Council</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Peta Kawasan Kajian	118



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Isu-isu berkenaan kekerasan politik, terutamanya perang saudara, merupakan antara salah satu topik yang hangat sejak beberapa tahun ini. Kekerasan politik digambarkan sebagai penggunaan kuasa oleh ahli politik bagi tujuan memajukan kedudukan seseorang atau penubuhan politik mereka dalam kedudukan masyarakat.¹ Secara amnya, pihak yang terlibat dalam keganasan politik adalah terdiri daripada kerajaan, tentera negara, pemberontak serta organisasi keganasan. Sesungguhnya, ketika berlakunya peralihan politik ke demokrasi, fenomena kekerasan yang wujud dalam pelbagai bentuk seperti pembunuhan, perompakan, penembakan, pengeboman, pergaduhan besar-besaran, serangan, pengusiran dan seumpamanya merupakan sebuah bentuk keganasan yang masih berlaku sehingga ke hari ini.² Hal ini dikatakan demikian kerana, peralihan politik, bahkan yang menuju kepada sistem demokrasi, dapat memprovokasikan kekerasan.

Perkara tersebut dapat dilihat di Jamaica, di mana konflik politik Jamaica adalah berpunca daripada permusuhan lama antara dua pihak yang dominan di negara ini iaitu Parti Buruh Jamaica atau dikenali sebagai *Jamaica Labour Party* (JLP) dan Parti

¹OECD, *States of Fragility 2016: Understanding Violence*, Paris: OECD Publishing, 2016, hlm. 20.

² Suparman Marzuki, Kekerasan dan Ketakutan pada Kekerasan, *UNISIA Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial*, Bilangan 29, Jilid 61, 2010, hlm. 317.

Nasional Rakyat atau turut dikenali sebagai *People's National Party* (PNP).³ Persaingan antara dua parti politik tersebut yang berlangsung secara bertahun-tahun dikatakan adalah berpunca daripada struktur sistem politik serta cara sistem politik di Jamaica berkembang sejak dekolonisasi pergerakan pada tahun 1930-an. Lazimnya, parti-parti politik tersebut akan bertindak meminta bantuan daripada kongsi gelap untuk mengukuhkan kuasa serta memberikan tekanan kepada pihak lawan mereka. Lantaran itu, kekerasan dan jenayah merupakan aspek yang utama dalam kehidupan pihak politik tempatan di Jamaica.

Sekiranya ditelusuri dengan lebih lanjut, kekerasan politik di Jamaica dikatakan telah berlaku sejak tahun 1930-an. Hal ini boleh dilihat pada tahun 1938, telah berlakunya pemberontakan dalam kalangan pekerja yang bertujuan untuk menuntut gaji yang lebih tinggi serta keadaan kerja yang lebih baik. Sepanjang tahun 1940-an sehingga tahun 1950-an, kekerasan antara dua parti politik ini dilihat telah semakin meningkat. Pada mulanya, anggota kesatuan pekerja merupakan pihak yang terlibat dalam melakukan aktiviti keganasan serta jenayah. Namun begitu, tidak lama selepas itu, PNP bertindak menggunakan anggota kumpulan yang bersenjata bebas. Walau bagaimanapun, sistem pentadbiran politik di Jamaica pada ketika itu tidak terjejas walaupun berlaku peningkatan dalam konfrontasi keganasan politik. Golongan atasan, golongan pertengahan serta golongan bawahan masih menetap di lokasi yang berdekatan antara satu sama lain, berikutan juga dengan pihak yang menyokong kedua-dua parti tersebut. Pada ketika itu, kekerasan serta tindakan bersenjata yang berterusan daripada organisasi bersenjata tidak menjadi kebimbangan utama, sebaliknya, peristiwa keganasan yang melibatkan peristiwa politik yang tertentu.

Namun begitu, pada pertengahan tahun 1960-an sehingga tahun 1980-an, Jamaica melalui fasa keganasan politik yang paling sengit pada ketika itu. Peristiwa-peristiwa seperti Pemberontakan Henry, Kejadian Taman Karang, rusuhan anti-China pada tahun 1965, keadaan darurat dari tahun 1966 sehingga tahun 1967 serta Rusuhan Rodney merupakan permulaan elemen nasionalis etnik kepada politik di

³ Colin Clarke, *Politics, Violence and Drugs in Kingston, Jamaica*, *Society for Latin American Studies (SLAS)*, Bilangan 25, Jilid 3, 2006, hlm. 421.

Jamaica serta normalisasi kekerasan politik secara umum dalam kalangan masyarakat Jamaica. Bermula dari pilihan raya pada tahun 1967, 1972 serta 1976, penyokong antara kedua-dua parti politik ini bertindak mengganggu demonstrasi politik serta ucapan calon politik dengan menakut-nakutkan penyokong kepada pihak pembangkang.

Di samping itu, parti politik dilihat telah mula menggunakan perkhidmatan jenayah dan sokongan kongsi gelap tempatan. Justeru itu, ancaman dan pembunuhan mulai menjadi semakin kerap. Kesannya, hal ini telah mewujudkan keadaan yang tidak stabil di kawasan Kingston. Ketegangan politik Jamaica turut dilihat semakin meningkat dan diperburukkan lagi menerusi kemunculan ideologi berbeza yang jelas memisahkan kedua-dua pihak dalam tempoh ini. Pada era tahun 1980-an pula, keganasan dilihat telah mencapai pada tahap kemuncaknya, ketika seramai 800 orang telah terbunuh pada pilihan raya tahun 1980 dalam konfrontasi politik tersebut. Perusuhan besar-besaran dan pertempuran senjata yang melibatkan pihak polis dan kongsi gelap juga memperlihatkan keadaan yang tegang pada tempoh tersebut. Bahkan, penduduk tempatan juga dilihat telah membina kilang untuk pengeluaran senjata sebagai usaha untuk mempertahankan komuniti mereka.

Secara ringkasnya, peristiwa-peristiwa keganasan politik yang berlaku adalah berkait rapat dengan dasar pemerintahan pemimpin di Jamaica. Sehubungan itu, perbincangan kajian ini akan menerangkan secara menyeluruh terhadap dasar pemerintahan yang dilaksanakan, iaitu dalam konteks penyebaran ideologi serta perlindungan parti politik oleh pemimpin parti politik yang menyumbang kepada konflik keganasan di Jamaica. Seterusnya, evolusi politik dari era tahun 1940 sehingga tahun 1980 juga akan dibahas dengan lebih lanjut di mana faktor-faktor dan kesan daripada cetusan kekerasan politik ini akan dijustifikasi. Justeru itu, hal ini dapat menunjukkan bagaimana dua parti politik dominan tersebut telah mengakibatkan transformasi kekerasan politik di Jamaica

1.2 Permasalahan Kajian

Berdasarkan tinjauan terdahulu, juga didapati bahawa majoriti para sarjana lebih memberikan tumpuan kepada sejarah politik Jamaica dari segi dekolonisasi perlembagaan, pasca kemerdekaan Jamaica, perdebatan mengenai sosialis dan komunis yang memberikan kesan terhadap Jamaica, persaingan ideologi antara parti-parti politik serta perpecahan dan konflik dalam politik. Justeru itu, menerusi kajian ini, latar belakang dasar pemerintahan di Jamaica yang membawa kepada evolusi kekerasan politik di Jamaica dari era tahun 1940 hingga tahun 1980 akan dibincangkan secara khusus.

Selain itu, meskipun telah wujud kajian berkenaan topik evolusi kekerasan politik di Jamaica yang telah dilaksanakan oleh sarjana barat yang terdahulu, walau bagaimanapun, kebanyakan pengkaji tidak menyatakan secara terperinci mengenai isu ini. Tambahan lagi, kajian ini adalah penting untuk dilakukan memandangkan sehingga kini, pengkaji mendapati bahawa, masih belum terdapat kajian tempatan yang dilaksanakan berkenaan evolusi kekerasan politik di Jamaica. Lantaran itu, pengkaji akan melaksanakan kajian dengan meneliti faktor-faktor yang mendorong kepada pergolakan politik di Jamaica dari pelbagai aspek iaitu aspek politik, ekonomi dan sosial.

Di samping itu, meskipun telah banyak dibahas oleh kajian-kajian lepas, namun begitu, masih terdapat banyak lagi aspek dalam kesan cetusan kekerasan politik belum dikaji. Sehubungan itu, menerusi kajian ini, kesan cetusan kekerasan politik di Jamaica terhadap pergolakan politik di Jamaica akan dibincangkan dengan teliti dengan memberikan tumpuan kepada aspek politik, ekonomi dan sosial. Tuntasnya, kajian ini telah menarik minat pengkaji di mana keganasan yang bermotifkan politik telah menjadi endemik kepada sistem politik di Jamaica.

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggalurkan tiga objektif yang utama iaitu:

- a) Mengkaji latar belakang pentadbiran politik dan ciri-ciri parti politik yang membawa kepada perkembangan kekerasan politik di Jamaica.
- b) Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong kepada pergolakan politik di Jamaica dari pelbagai aspek iaitu dari aspek politik, ekonomi dan sosial.
- c) Menilai kesan cetusan kekerasan politik di Jamaica terhadap aspek politik, ekonomi dan sosial di Jamaica.

1.4 Sorotan Literatur Kajian

Pengkaji turut melakukan tinjauan terhadap beberapa bahan rujukan yang memiliki perkaitan dengan tajuk kajian iaitu dengan membuat sorotan dan *review* terhadap buku serta kajian yang terdahulu. Proses ini melibatkan penelitian terhadap bahan-bahan yang memiliki perkaitan terhadap masalah kajian sama ada dalam bentuk dokumen iaitu seperti buku, tesis, jurnal atau artikel yang mengandungi hasil kajian lepas.

Tema I: Dasar Pemerintahan Yang Membawa Kepada Evolusi Kekerasan Politik Di Jamaica Dari Era Tahun 1940 Hingga Tahun 1980

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian yang lepas, didapati bahawa kebanyakan kajian telah mengabaikan peranan langsung pemimpin politik Jamaica iaitu perbuatan mereka dalam menghasut, melakukan aktiviti rasuah serta membenarkan fenomena kekerasan politik. Dalam karya *Alexander Bustamante and Modern Jamaica* (1995) oleh George Eaton, beliau telah mengkaji politik Jamaica yang moden menerusi perspektif politik Alexander Bustamante. George Eaton turut mengkritik usaha Alexander

Bustamante dalam mengurus pekerja selepas pemberontakan buruh pada tahun 1938. Eaton juga mengkritik pengurusan Alexander Bustamante dalam mengatur pekerja selepas pemberontakan buruh yang tercetus pada tahun 1938. Hal ini dikatakan demikian kerana, Eaton mengatakan bahawa Alexander Bustamante lebih mementingkan penyatuan kekuatannya dalam gerakan kesatuan sekerja berbanding dengan pemerintahannya yang tersendiri. Lantaran itu, menerusi kajian ini, dapat dilihat bahawa Eaton telah memberikan gambaran yang jelas dan terperinci mengenai pergerakan buruh dan hubungannya dengan Alexander Bustamante seiringan dengan analisis kajiannya mengenai perkembangan politik Jamaica menerusi parti politik. Meskipun begitu, karya Eaton mengenai Alexander Bustamante serta sejarah politik Jamaica moden gagal menghubungkan kekerasan politik yang berlaku dengan sistem politik di Jamaica.

Seterusnya, dalam karya Victor Reid iaitu *The Horses of the Morning* (1985) yang merupakan biografi Norman Manley serta penglibatannya dalam politik Jamaica.⁴ Kajian Victor Reid memberikan tumpuan mengenai pergerakan kesatuan, keperibadian Norman Manley serta ideologi politiknya. Reid juga menganalisis perjuangan ideologi yang mempengaruhi kerjaya politik Norman Manley. Seterusnya, Reid turut mendokumentasikan perebutan kuasa antara Parti Buruh Jamaica (JLP) dan Parti Nasional Rakyat (PNP) yang mendominasi sistem politik Jamaica dari tahun 1944 sehingga tahun 1970-an. Kajian Reid adalah tertumpu kepada kepimpinan pemerintah Jamaica di samping menganalisis perjuangan ideologi yang telah mempengaruhi kerjaya politik Manley. Walau bagaimanapun, kajian Reid mengatakan keganasan politik yang berlaku adalah sebuah perkara yang tidak disengajakan, dalam pada itu, hujahan Reid ini secara tidak langsung telah membataskan kajian beliau menerusi subjektivitinya dalam kajian tersebut.

Tambahan lagi, dalam karya Rex Nettleford iaitu *Manley and the New Jamaica* (1971), menurut beliau, Norman Manley mempengaruhi nasionalis sentimen di Jamaica di mana Norman Manley telah menganjurkan kemerdekaan dan peningkatan

⁴ Victor Staffor Reid, *The Horses of the Morning*, Caribbean. Caribbean: Caribbean Authors Publishing, 1985, hlm. x-xviii.

sosioekonomi bagi golongan miskin yang bekerja. Menurut pandangan Nettleford juga, beliau berpandangan bahawa Norman Manley kekal komited dalam mewujudkan sebuah gerakan ke arah mewujudkan identiti politik nasional. Nettleford mengatakan visi Manley mengenai sistem politik negara iaitu meliputi idea sistem parti yang kompetitif memiliki peranan yang penting untuk pembangkang politik. Namun begitu, Nettleford gagal memberikan kritikan yang mencukupi terhadap penggunaan kekerasan dalam parti-parti politik oleh Norman Manley, bahkan beliau juga tidak mengemukakan sejauh manakah peranan kepimpinan Manley yang telah membenarkan unsur keganasan dalam sistem politik.⁵

Dalam karya *Class, Race, and Political Behavior in Urban Jamaica* (1973) oleh Carl Stone, penulis telah menganalisis tingkah laku politik, tingkah laku sosial, organisasi sosial, serta tingkah laku ketika mengundi di Jamaica semasa pilihan raya umum pada tahun 1970-an.⁶ Kajian beliau telah memberikan asas untuk memahami bukan sahaja tingkah laku mengundi tetapi juga meliputi tingkah laku sosial, pendapat umum, tingkah laku politik penduduk Jamaica yang relevan dalam memahami peristiwa-peristiwa kekerasan politik di Jamaica. Namun begitu, kajian beliau hanya mengenal pasti keganasan dalam bentuk tindakan demonstratif dan tidak menegaskan keganasan terancang yang bermotifkan politik. Tegasnya, dapat disimpulkan bahawa sistem politik Jamaica telah gagal dalam membantu rakyat kerana keganasan dan kekerasan digunakan sebagai alat politik untuk memastikan pengakuran polisi dan undang-undang daripada rakyat tempatan.

Seterusnya, dalam buku *The Politics of Change* (1974) oleh Michael Manley, beliau menyatakan kebergantungan terhadap ekonomi di Jamaica telah membawa kepada kemunduran negara sehingga mengakibatkan pemimpin tempatan tidak berdaya dalam menyelesaikan krisis ekonomi sehingga mewujudkan ketidakpuasan hati akibat isu pengangguran, kemiskinan, kelas hierarki dan jurang gaji oleh masyarakat tempatan. Lantaran itu, Manley telah mempersoalkan isu tersebut, hal ini

⁵ Rex Nettleford, *Manley and the New Jamaica: Selected Speeches and Writings 1938-1968*, Jamaica: Longman Caribbean, 1971, hlm. 46.

⁶ Carl Stone, *Class, Race and Political Behavior in Urban Jamaica*, Jamaica: University of the West Indies Press, 1973, hlm. 140-146.

kerana, meskipun Jamaica telah memperoleh kemerdekaan, namun budaya empayar British yang meliputi struktur sosio-politik serta norma ekonominya masih diamalkan. Dalam karya Michael Manley yang kedua juga, iaitu *A Voice in the Workplace* (1975), beliau meneliti perjuangan oleh pekerja Jamaica dalam mewujudkan sebuah gerakan kesatuan sekerja serta impak kesedaran kelas dalam gerakan pekerja dari tahun 1938 hingga tahun 1970. Oleh hal yang demikian, kajian Manley ini bermanfaat untuk dijadikan sebagai panduan dalam mengenali dan mengenal pasti perubahan-perubahan dalam aspek sosio-ekonomi rakyat Jamaica yang membawa kepada transisi politik di Jamaica.

Tema II: Sejarah Perkembangan Kekerasan Politik Di Jamaica

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membahaskan secara ringkas mengenai politik, pemerintahan, gerakan kesatuan dan tingkah laku politik di Jamaica. Dalam kajian *Violence and Politics in Jamaica 1960-70* (1977) oleh Terry Lacey, penulis memberi tumpuan yang khusus terhadap analisis tingkah laku politik dan kesannya terhadap keselamatan domestik di Jamaica. Lacey telah mengkaji sejumlah insiden keganasan yang berkaitan dengan politik iaitu Pemberontakan Henry pada tahun 1960, rusuhan anti-Cina pada tahun 1965, keganasan pilihan raya serta keadaan darurat dari tahun 1966 sehingga tahun 1967.⁷ Tambahan pula, kajian ini juga telah mencadangkan bahawa sejak tahun 1962, kedua-dua parti politik yang utama telah mengeksploitasi pergolakan kongsi gelap untuk tujuan politik masing-masing. Dengan ini, dapat dilihat bahawa ahli politik tersebut sememangnya jelas menyumbang dengan ketara dalam peningkatan tindakan keganasan dan kekerasan dalam tempoh yang dikaji. Selain itu, Lacey juga dilihat sangat bergantung terhadap laporan media mengenai jenayah kekerasan dalam menilai peristiwa serta keganasan peribadi dan politik dalam era tahun 1960-an atas faktor kerana ketiadaan tokoh rasmi yang boleh dipercayai. Meskipun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa Lacey melakukan kerja yang baik dalam mendokumentasikan perkara yang menjadi isu sejak sekian lama iaitu wujudnya

⁷ Terry Lacey, *Violence and Politics in Jamaica, 1960-70*, England: Manchester University Press, 1977, hlm. 3.

keberkaitan antara sistem politik dengan sosio-ekonomi kelas bawahan yang menyumbang kepada peningkatan tahap keganasan terhadap individu dan masyarakat.

Seterusnya, menerusi artikel *Political Identity and Criminal Violence in Jamaica: The Garrison Community of August Town and The 2002 Election* oleh Christopher A. D. Charles, kajian ini memfokuskan terhadap perkaitan antara identiti politik serta keganasan jenayah yang berlaku di Jamaica. Dalam pada itu, kajian ini telah menganalisis kepada parti politik utama yang terlibat dalam peristiwa keganasan di Jamaica iaitu Parti Buruh Jamaica (JLP) dan Parti Nasional Rakyat (PNP) serta peristiwa kekerasan politik yang berlaku di August Town. Hal ini boleh dilihat di mana JLP dan PNP telah mengambil kesempatan terhadap penduduk bandar yang serba kekurangan iaitu dengan menggunakan perkhidmatan daripada kongsi gelap bagi memeras ugut untuk memperolehi sokongan parti untuk pilihan raya. Sehubungan dengan itu, penelitian daripada beliau telah memaparkan politik keterlibatan kongsi gelap serta perpecahan politik yang berlaku memiliki kesinambungan terhadap keganasan politik yang berlaku.

Selain itu, dalam *Democratic Socialism in Jamaica* (1986) oleh Evelyn Huber-Stephens dan John Stephens, kajian ini meneroka usaha Michael Manley dalam menubuhkan program sosialisme di Jamaica pada tahun 1972 sehingga tahun 1976 yang telah membawa kepada kegagalan PNP dalam pilihan raya 1980. Penulis juga telah membahaskan tentang sosialisme demokratik di Jamaica dengan memfokuskan pada interaksi antara dua parti politik yang merupakan sebuah pembaharuan menyeluruh yang dilaksanakan oleh pemerintah sosialis, Michael Manley. Walau bagaimanapun, pembangunan yang dilaksanakan tersebut telah mewujudkan kesan kebergantungan kepada ekonomi, kapasiti sumber negara terbatas, pergerakan politik menjadi semakin lemah dari segi ideologi politik serta perpecahan dalam pergerakan buruh. Tambahan lagi, penulis juga telah menggariskan kegagalan kerajaan Jamaica dalam mewujudkan pakatan kelas dalam kalangan kelas bawahan serta kelas pertengahan dalam menyesuaikan diri terhadap kelas kapitalisme. Justeru itu, penulis menegaskan bahawa impak kebergantungan ekonomi telah akibat kemelesetan ekonomi telah membawa kepada kekerasan politik di Jamaica.

Seterusnya, karya *Radicalism and Social Change in Jamaica 1960-72* (1991) oleh Obika Gray telah memperlihatkan perkembangan pergerakan sosial dan perubahan radikal dalam tempoh selepas kemerdekaan di Jamaica. Selain itu, kajian beliau bukan sahaja merangkumi kajian mengenai kekerasan politik tetapi juga meliputi perkembangan pemberontakan tempatan di kalangan *Rastafarian* serta pembentukan organisasi politik yang bersifat radikal seperti *Unemployed Workers Council and the Young Socialist League* (YSL). Obika Gray turut memberikan analisis mengenai golongan bawahan yang menjadi salah satu faktor utama dalam menyumbang kepada pergolakan politik pada tahun 1960-an menerusi keterlibatan mereka dalam jenayah, pemberontakan serta mogok. Obika Gray juga menegaskan bahawa tempoh peralihan politik terbukti adalah bermasalah kepada sistem demokrasi di Jamaica kerana sistem politik di Jamaica pada tempoh tersebut telah dilemahkan oleh gerakan-gerakan sosial.

Dalam karya *Born Fi' Dead* (1995) oleh Laurie Gunst pula, beliau telah mengkaji hubungan antara kebudayaan dan politik kongsi gelap Jamaica serta mendedahkan eksploitasi politik budaya kongsi gelap di Jamaica. Beliau telah menegaskan kesan penjajahan pihak British yang mengakibatkan kepada kebergantungan ekonomi serta korupsi dalam bidang politik telah mendorong kepada kewujudan sistem kekerasan politik. Beliau turut telah menjelaskan pengaruh dan kawalan kongsi gelap yang meluas dalam parti-parti politik di Jamaica telah memperlihatkan budaya kongsi gelap yang semakin berleluasa di Jamaica. Tambahan lagi, sumber kajian Gunst bergantung secara eksklusif terhadap temu bual yang dilaksanakan dengan kongsi gelap dalam menggambarkan peristiwa keganasan yang berlaku, meskipun demikian, kajian beliau adalah terbatas kerana tidak meneliti sepenuhnya akan sejarah politik Jamaica pada tahun 1960-an. Meskipun demikian, penyelidikan Gust terhadap budaya sistem politik di Jamaica amatlah bermanfaat dalam meneliti hubungan antara kongsi gelap serta ahli politik yang membawa kepada kekerasan politik Jamaica.

1.5 Kepentingan Kajian

Berasaskan sorotan yang dilakukan, terdapat beberapa kajian yang hampir sama dengan kajian yang dilakukan ini yang telah dilakukan oleh para sarjana dan sejarawan yang memfokuskan terhadap isu kekerasan politik. Namun begitu, masih wujudnya kelompangan dan penambahbaikan yang dapat dilakukan dalam melengkapkan lagi kajian yang terdahulu agar bertambahnya pengetahuan mengenai penulisan sejarah yang terdapat di dalam artikel serta buku-buku berkenaan. Tambahan pula, didapati bahawa, belum lagi terdapat kajian tempatan yang memberikan fokus utama serta membincangkan secara khusus mengenai sejarah perkembangan evolusi politik di Jamaica dari era tahun 1940 sehingga tahun 1980. Sehubungan dengan itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada sarjana tempatan dalam mendalami dan meneliti sejarah perkembangan politik di Jamaica.

Selain itu, sekiranya ditelusuri dengan lebih teliti, kekerasan politik telah mengalami beberapa perkembangan sejarah dari zaman sebelum merdeka dan telah mengalami perubahan dalam menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Bahkan, negara dikatakan memainkan peranan yang utama dalam menentukan sistem politik yang diamalkan dalam menghalalkan dan memonopoli penggunaan kekerasan fizikal dalam sistem politik. Oleh hal yang demikian, menerusi kajian ini, perkembangan isu kekerasan politik yang tertumpu di Jamaica perlu diteliti dari sudut latar belakangnya serta sistem politik di negara tersebut kerana kedua-dua aspek tersebut memiliki keberkaitan dengan ekonomi sosial serta politik.

Di samping itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk memberikan perspektif yang baharu terhadap perkembangan peristiwa kekerasan politik di Jamaica. Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan dalam memperkembangkan skop isu kekerasan politik di Jamaica dalam bidang sejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini akan memfokuskan terhadap latar belakang, faktor pergolakan politik serta kesan cetusan kekerasan politik di Jamaica. Dengan itu, kajian ini dapat menyumbang kepada idea pembentukan terhadap isu kekerasan politik di Jamaica. Secara ringkasnya, penyelidikan ini diharapkan bukan sahaja dapat dijadikan panduan

kepada sarjana tempatan, bahkan dapat diharapkan dapat memberi penelitian dan pengetahuan yang mendalam mengenai evolusi kekerasan politik di Jamaica terhadap masyarakat umum.

1.6 Skop Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa batasan kajian yang terdiri daripada skop masa, skop ruang serta skop bidang. Bagi skop masa untuk kajian ini, dengan merujuk kepada tajuk kajian "Evolusi Kekerasan Politik di Jamaica (1940-1980)", kajian ini hanya menumpukan kepada evolusi kekerasan politik yang berlangsung dari era tahun 1940 sehingga tahun 1980 sahaja di Jamaica. Hal ini dikatakan demikian kerana, kekerasan politik di Jamaica adalah bermula dari era tahun 1930-an iaitu dari tahun 1938 dan berkembang pada tempoh era tahun 1940 sehingga tahun 1980. Maka, dengan memilih tempoh tahun 40-an tersebut, kajian dapat meneliti punca dan peristiwa-peristiwa yang mendorong kepada berlakunya konflik keganasan politik dalam tempoh masa yang panjang.

Sementara dari segi skop ruangnya, kajian ini adalah terbatas kepada kawasan di Jamaica sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji mendapati bahawa meskipun sistem politik telah mengalami era kestabilan, namun begitu, sisi gelap politik di mana keganasan telah menjadi suatu endemik telah mula mencerobohi kesedaran awam di Jamaica selepas pertengahan 1970-an. Tambahan lagi, kekerasan dan keganasan telah mencirikan politik di Jamaica semenjak era perhambaan lagi dan menjadi semakin ketara ketika berlakunya protes atau penindasan. Bahkan, hampir setiap pilihan raya umum atau perbandaran sejak kemerdekaan telah didahului serta diikuti dengan peperangan serta pembunuhan besar-besaran. Lantaran itu, isu-isu tersebut telah menarik minat pengkaji dalam membataskan skop ruangan yang bertempat di Jamaica.

Di samping itu, skop bidang bagi kajian ini merupakan sejarah politik. Sesungguhnya, isu yang dibincangkan merupakan dasar pemerintahan yang membawa